

# UMS digesa rangka pelan maju industri filem Sabah

DE 26/09/2011 3

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman mahu Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangka pelan strategik yang lebih komprehensif untuk menjadikan industri kreatif terutama industri perfileman sebagai sumber pembangunan dan penjanaan ekonomi negeri.

Beliau berkata langkah itu penting memandangkan industri kreatif berpotensi untuk dimajukan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

“Jika negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, India, Hong Kong dan Korea boleh menjadikan industri kreatif sebagai salah satu sumber ekonomi negara, saya yakin dengan perancangan strategik dan kebolehan kreatif anak-anak tempatan Sabah, kita juga boleh mencapai tahap itu,” katanya ketika berucap pada perasmian Hari Seniman di Dewan Resital, UMS di sini, pada Ahad.

Musa juga mahu agar penerbitan filem dan dokumentari berkaitan sejarah negeri Sabah yang memaparkan kejayaan dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dan hari ini dapat diterbitkan dalam bentuk filem, animasi dan dokumentari.

Ini penting bagi membentuk pemikiran dan sikap positif generasi muda dalam membantu pembangunan negara bangsa yang bersatu padu dan berjaya selain mengelakkkan peristiwa sejarah disalahtafsir demi kepentingan pihak tertentu seperti yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini, katanya. – Bernama



Musa